

16/05/1998

Rakyat disaran sokong Asnita

KOTA KINABALU, Jumaat - Rakyat negeri ini disaran memberi sokongan kepada Amanah Saham Wanita (Asnita) yang akan dilancarkan secara rasmi di negeri ini, petang esok.

Ketua Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) Sabah, Senator Datuk Norjan Khan Bahadar, berkata Asnita bukan tabung amanah khusus untuk wanita saja, tetapi ia terbuka kepada lelaki, badan kerajaan, syarikat swasta dan kakitangan kerajaan.

Asnita dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal bulan ini dan pelaburan boleh dibuat di semua cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara.

Norjan berkata, tawaran permulaan unit amanah saham itu ialah RM0.50 seunit dan masyarakat pelbagai kaum di Sabah perlu merebut peluang keemasan ini untuk menabung dan melabur demi masa depan keluarga.

(END)